

05/08/1997

CEN Worldwide unjur perolehan RM1 bilion

Abdul Halim Yusoff

CEN Worldwide Sdn Bhd (CEN Worldwide), syarikat logistik dan penghantaran ekspres multimodal pertama Malaysia mengunjurkan 10 peratus pasaran industri itu dengan mencatat perolehan RM1 bilion menjelang tahun 2001.

Pengarah Urusan CEN Worldwide, Martyn Wright, berkata syarikat itu akan menawarkan perkhidmatan pengangkutan ekspres termasuk penghantaran pintu ke pintu, pengendalian pengangkutan udara, pergudangan, teknologi logistik dan kepakaran pengurusan dalam bidang berkenaan.

Katanya, CEN Worldwide akan memberikan perkhidmatan setaraf ataupun lebih baik daripada yang ditawarkan pengendali penghantaran ekspres sekarang termasuk perkhidmatan penghantaran semalaman di seluruh Asia.

"CEN Worldwide ditubuhkan bertujuan merebut peluang daripada kedudukan Malaysia yang semakin penting sebagai pusat pungutan, pengedaran, pengangkutan dan komunikasi serta logistik bagi rantau ini.

"Ia juga bertujuan menyahut cabaran yang semakin getir dalam pasaran yang memerlukan kepakaran dan kemahiran pengurusan logistik berkesan," katanya selepas pelancaran rasmi CEN Worldwide oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir pada majlis itu adalah Ketua Eksekutif CEN Sdn Bhd (CEN), Mirzan Mahathir; Pengerusi Eksekutif CEN, Tan Sri Zainol Mahmood; dan Pengarah Eksekutif CEN, Gan Boon Aun.

CEN Worldwide ialah milik penuh CEN Sdn Bhd, usaha sama Pos Malaysia Bhd dengan 42.5 peratus ekuiti, Transmile Group Bhd (37.5 peratus) dan Konsortium Perkapalan Bhd (20 peratus).

Sementara itu, Mirzan berkata, struktur CEN membolehkannya menggabungkan kemahiran, prasarana dan sumber ketiga-tiga pemegang sahamnya sera menggableng kemahiran dan kemudahan mereka.

"KPB membekalkan perkhidmatan logistik bersepadu perkhidmatan perkapalan, sewa khas, pengangkutan kontena, penghantaran kargo dan pergudangan di dalam dan luar negara.

"Ketiga-tiga syarikat induk berkenaan akan menyediakan segala kemudahan darat, laut dan udara untuk CEN Worldwide," katanya.

(END)